

Headline	Penerbangan haji bawa kumpulan kedua bertolak petang semalam		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	495 cm ²
Journalist	MOHD SHAFIKAHMAD	AdValue	RM 1,847
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,542



Penerbangan haji bawa kumpulan kedua bertolak petang semalam

MOHD SHAFIK AHMAD

KUCHING, Isnin — Seramai 278 bakal jemaah haji selamat berlepas ke Mekah dengan menaiki penerbangan KT43 kira-kira jam 3.30 petang tadi.

Bakal jemaah daripada kumpulan kedua tersebut membabitkan 127 orang lelaki dan 151 wanita dari beberapa bahagian dari seluruh negeri Sarawak.

Mereka dijangka tiba di Jeddah pada jam 9.40 malam waktu Arab Saudi dan berada di sana selama 49 hari dan akan kembali ke tanah air pada 11 November depan.

Difahamkan, kumpulan pertama mencatatkan seramai 281 orang bakal jemaah haji dengan penerbangan KT37.

Berdasarkan jumlah itu, seramai 671 orang bakal jemaah haji bagi negeri Sarawak mengerjakan rukun Islam kelima tersebut pada tahun

2013 termasuk 112 orang daripada pakej swasta.

Sementara itu, Menteri Pelancongan dan Perumahan Sarawak Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Haji Openg menyarankan agar para jemaah sentiasa menjaga kesihatan sepanjang berada di Tanah Suci bagi menunaikan ibadah dengan sempurna.

"Sentiasa bawa bekalan air minuman yang mencukupi ekoran keadaan cuaca yang agak panas," katanya semasa berucap pada majlis Keberangkatan Jemaah Haji KT43 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), di sini, hari ini.

Selain itu beliau menasihatkan supaya para jemaah sentiasa mematuhi arahan pihak Tabung Haji dan tidak berpecah daripada kumpulan masing-masing.

Beliau berharap kesemua bakal

jemaah haji dapat menunaikan ibadah dengan sempurna bagi memperoleh haji mabrur.

Dalam pada itu, Noraihan Jamal, 16, merupakan bakal jemaah haji termuda bersyukur kerana dapat menunaikan ibadah tersebut pada usia muda.

"Saya pergi dengan mak dan mak cik saya, saya sangat bersyukur kerana dapat pergi menunaikan haji," ujar Noraihan yang berasal dari Kampung Gedong.

Sementara itu, penantian 14 tahun seorang pesara polis, Ramli Johari, 56, berakhir apabila terpilih untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini. "Sangat bersyukur, kerana dapat pergi tahun ini bersama isteri dan anak saya," katanya semasa ditemui pemberita hari ini.

Headline	Penerbangan haji bawa kumpulan kedua bertolak petang semalam		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	495 cm ²
Journalist	MOHD SHAFIKAHMAD	AdValue	RM 1,847
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,542



SELAMAT BERTOLAK ... Datuk Amar Abang Johari bersama Datuk Daud Abdu Rahman bersalaman dengan salah seorang bakal jemaah haji yang bertolak dengan penerbangan KT43 di LTAK, semalam.